

Pembahagian kerusi kabinet baru hak PM — Mahathir

'Bukan satu perkara yang boleh dirundingkan'

UM 25 JUN 1991

KUALA LUMPUR, 28 Jun — Pembahagian kerusi kabinet baru merupakan hak Perdana Menteri dan bukan satu perkara yang boleh dirundingkan, tegas Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Bakal Perdana Menteri baru Malaysia itu menegaskan demikian kepada para wartawan ketika ditanya mengenai pembahagian kerusi antara parti-parti komponen Barisan Nasional dalam rombakan kabinet barunya nanti.

Bercakap ketika ditemui semasa rehat di hari akhir perhimpunan agung UMNO di sini pagi ini, Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu setakat ini beliau belum membuat keputusan mengenai kabinet baru ini.

Menjawab pertanyaan mengenai perlantikan menteri-menteri, beliau menjelaskan adalah menjadi kebiasaan bagi Perdana Menteri untuk berunding atau menghubungi orang-orang berkenaan sebelum sesuatu lantikan dibuat.

Langkah ini, terangnya, sekurang-kurangnya bagi mengetahui sama ada tokoh-tokoh berkenaan yang akan dilantik sanggup memikul tanggungjawab atau sebaliknya.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu, Datuk Hussein Onn yang akan meletakkan jawatan Perdana Menteri pada 16 Julai akan mempengerusikan mesyuarat kabinetnya yang terakhir pada 15 Julai.

Beliau menerangkan, Dewan Tertinggi Barisan Nasional juga dijadual mengadakan sidanganya pada 15 Julai yang akan menentukan pengerusinya yang baru.

"Buat masa sekarang Datuk Hussein masih menjadi Pengerusi Barisan Nasional," jelas Datuk Sri Dr. Mahathir selaku Presiden UMNO yang baru.

Mengenai pengumuman Datuk Hussein Onn akan meletakkan jawatan Perdana Menteri pada 16 Julai, beliau menyatakan sebenarnya perkara tersebut tidak mempunyai sebarang significant.

Katanya: "Seperti diberitahu oleh Datuk Hussein perkara itu ialah atas permintaan saya sendiri bagi membolehkan saya membuat persiapan dan menyediakan diri dengan tanggungjawab baru itu."

Ditanya mengenai pemilihan ahli-ahli Majlis Tertinggi yang baru, Datuk Sri Dr. Mahathir puas hati dengan keadaan pemilihan yang seimbang itu.

Katanya, kebanyakan dari Menteri-Menteri Besar telah dipilih semula menduduki Majlis Tertinggi kerana peranan yang dimainkan oleh mereka telah meningkat.

Beliau menyatakan ada juga menteri-menteri dan timbalan menteri yang dipilih.

Presiden UMNO yang baru itu selanjutnya memberitahu, beliau akan melantik 7 orang ahli Majlis Tertinggi lagi yang biasanya akan dibuat ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi yang pertama yang belum ditetapkan lagi.

Mengenai perhimpunan agung UMNO tiap-tiap tahun yang mengumpulkan wakil-wakil parti dari seluruh tanahair, Datuk Sri Dr. Mahathir menerangkan bahawa UMNO adalah berlainan dan tidak boleh dibandingkan dengan Parti Konservatif atau Parti Buruh di England.

UMNO ialah sebuah parti yang pemimpin-pemimpinnya mementingkan sokongan dari ahli-ahli dari peringkat bawah atau "grass-root" dan kedua belah pihak sering mengadakan dialog.